

Dipercayai berpunca daripada buangan sisa kolam ternakan udang di Taiping

# Sungai Sepetang tercemar



**IPOH** – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan dan pihak-pihak terbabit menyiasat dan mengambil tindakan segera mengatasi masalah pencemaran Sungai Sepetang di Taiping dekat sini.

Presiden CAP, S.M Mohamed Idris (**gambar**) berkata, masalah pencemaran itu dipercayai berpunca daripada projek ternakan udang berhampiran sungai itu yang turut

memusnahkan hutan paya bakau.

Menurutnya, pencemaran sungai berkenaan juga didakwa mengancam mata pencarian lebih 100 orang nelayan tempatan.

“Kehidupan beberapa spesies burung termasuk pembiakan kelip-kelip yang terkenal di negara ini turut terancam dan semakin berkurangan kesan dari sinaran cahaya lampu dari kawasan kolam udang di situ,” katanya dalam satu kenyataan yang

dikeluarkan di sini semalam.

Mohamed Idris berkata, beberapa aduan yang dibuat sebelum ini tidak mendapat respons pihak berkuasa dan nelayan di situ mendakwa keadaan sudah berlarutan sejak 15 tahun lalu.

Tambahnya, tindakan pengusaha ternakan udang berkenaan membuang sisa kolam ke dalam sungai menyebabkan ikan dan udang yang menjadi sumber pendapatan utama

nelayan semakin pupus dan berkurangan.

Jelasnya, antara spesies ikan yang terancam ialah ikan sembilang, kerapu, jenahak dan ikan lumba-lumba.

“Nelayan di situ sebelum ini memperoleh pendapatan lebih RM70 sehari tetapi sekarang hanya memperoleh RM20 sehari akibat pencemaran yang berlaku di sungai berkenaan,” ujarinya.